

Kuala Lumpur

Arte Mont Kiara capai jualan 85%



CHAN (dua dari kiri) melihat reka bentuk Arte Mont Kiara.

Nusmetro Group (Nusmetro), syarikat pemaju hartanah berjaya mencapai jualan 85 peratus bagi projek pembangunan bercampur yang dikenali Arte Mont Kiara sejak prapelancarannya pada hujung tahun lalu.

Pengarah Urusan Bersamanya, Thomas Chan berkata, Kumpulan itu berjaya menjual 1,200 daripada 1,700 unit yang ditawarkan melalui projek terbabit manakala unit selebihnya masih belum dilancarkan.

“Kami mencapai momentum jualan baik untuk projek ini, di mana ia dipacu oleh aspek lokasi dan reka bentuk dengan hampir semua pembeli kami adalah terdiri daripada warga tem-

patan,” katanya selepas majlis menandatangani perjanjian antara Nusmetro Property Sdn Bhd dan Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd (Kerjaya Prospek), semalam.

Arte Mont Kiara adalah projek pembangunan bercampur yang dilaksanakan secara usahasama Nusmetro dan Naza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI) dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM1.2 bilion.

Projek bertemakan retro Perancis itu terdiri daripada suit servis dan residen servis yang memiliki tiga menara dan terletak di dalam kawasan projek KL Metropolis serta ditawarkan pada harga permulaan RM100,000 per kaki persegi.